

BERNAMA > BERITA

Malaysia Mampu Jadi Negara Pertama ASEAN Bangunkan Sistem Kenderaan Versi Antarabangsa - IMI

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Institute of the Motor Industry (IMI) dari United Kingdom mengumumkan hasrat berganding bahu dengan kerajaan Malaysia untuk membangunkan versi antarabangsa bagi satu daripada kelayakan terkininya dikenali L4 Award, dalam menjalankan diagnosis, menguji dan membaiki kenderaan dan komponen elektrik atau kenderaan hibrid (QCF).

Dalam kenyataan hari ini, pengurus kanan IMI South-East Asia, Matthew Stuart berkata Malaysia dilihat mendahului negara lain di rantau ini dalam bidang penggunaan kenderaan elektrik.

"Dengan dasar yang kondusif serta peningkatan kesedaran tentang kenderaan elektrik yang dimilikinya, Malaysia berpotensi besar untuk menjadi hab latihan serantau bagi kenderaan elektrik.

"Kami berharap dapat menjadikannya suatu kenyataan melalui perkongsian dengan pelbagai organisasi di sini dan penciptaan satu versi kelayakan L4 sudah tentu dapat membantu ke arah itu," katanya.

Stuart berkata kelayakan itu akan membolehkan juruteknik negara ini menjalankan kerja membaiki komponen elektrik bervoltan tinggi dengan selamat, selain sistem elektrik atau kenderaan hibrid.

"Kini terdapat kira-kira 45 juruteknik di Malaysia yang mendapat latihan untuk menyenggara dan membaiki kenderaan elektrik dan hibrid dan lebih banyak akan diperlukan dalam masa lima tahun akan datang.

"Dengan mengikuti latihan hingga ke peringkat L4 Award, mereka akan muncul sebagai antara kumpulan pertama di rantau ini yang memiliki kelayakan peringkat lanjutan ini untuk mengendalikan kenderaan elektrik atau hibrid, dan sekali gus meletakkan mereka pada kedudukan unik kerana kemahiran dan kepakaran mereka mungkin akan mendapat permintaan tinggi," katanya.

-- BERNAMA

Purchase This News

Kami menyediakan langganan berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi
MALAYSIA eBiz Mingguan
Versi Bahasa Inggeris

Berita Utama Terdahulu

Rombakan Kabinet: Muhyiddin Gugur, Zahid Hamidi TPM Baharu

Khidmat Abdul Gani Patail Sebagai Peguam Negara Ditamatkan Atas Sebab Kesihatan - KSN
Malaysia Naik 'Tahap 2' Dalam Laporan Perdagangan Manusia 2015

Berita Terkini Lain

21 Cawangan MIC Perlis Sokong Dr S. Subramaniam Sebagai Presiden - politik
Unit Alam Maritim Resources Dapat Kontrak RM6 Juta Daripada Petronas Carigali - ekonomi

Pandelela Rinong-Mun Yee Sekadar Tempat Ketujuh - sukan

Menyelesai Masalah Menerusi Projek Inovasi-rencana


Colombian Government Begins Work To Exhume Hundreds Of Bodies - dunia

Berita Pilihan Tertinggi

Rombakan Kabinet: Muhyiddin Gugur, Zahid Hamidi TPM Baharu

Abdul Gani Graduan Tempatan Pertama Jadi Peguam Negara

Sekolah Swasta Disyor Adakan Jaringan Dengan Sekolah Kerajaan Percepat Transformasi Pendidikan Negara



SMS
Berita terkini dihujung jari anda

CELCOM	taip SUB hantar 26822
MAXIS	taip BUY BERNAMAM hantar 26822
DiGi	taip ON BM hantar 2000

KLIK DI SINI UNTUK MAKLUMAT LANJUT